

04 JUL 2001

JPJ-Kotak

HAMPIR 60 PERATUS BAS EKSPRES DIPASANG KOTAK HITAM

PUTRAJAYA, 4 Julai (Bernama) -- Sebanyak 59.3 peratus atau 2,251 daripada 3,797 bas ekspres dan persiaran di negara ini sudah memasang alat kotak hitam pada bas mereka sehingga sekarang, kata Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Datuk Dr Shahar Sidek hari ini.

Beliau berkata ia merupakan perkembangan yang amat baik memandangkan penguatkuasaan pemasangan alat itu hanya akan dibuat pada September ini.

Kotak hitam adalah alat yang mengawasi halaju sesebuah kenderaan dan ia akan mula merekod halaju sekiranya pemandu kenderaan tersebut memandu melebihi 95km sejam.

Shahar berkata maklumat balas daripada pengusaha bas menunjukkan bahawa kebanyakan mereka tidak mempunyai masalah untuk memasang kotak hitam itu sebelum tarikh penguatkuasaan itu.

"Bagi yang sudah pasang kotak hitam pula, maklumat balas mendapati kebanyakan mereka tidak mempunyai masalah atau kerosakan. Penggunaan alat itu berjalan lancar," katanya pada persidangan berita di sini hari ini.

Shahar berkata JPJ sedang berusaha memberi latihan kepada para penguatkuasanya supaya mereka mahir mengendalikan kotak hitam itu apabila ia dikuatkuasakan nanti.

Katanya JPJ kini dibekalkan dengan 44 set sistem kotak hitam dan 145 unit "Data Reader" yang ditempatkan di 16 lokasi strategik di seluruh negara manakala polis pula dibekalkan dengan 266 set sistem itu dan 555 unit data reader di 164 lokasi.

Beliau berkata sekumpulan penguatkuasa dari Zon Tengah iaitu dari Wilayah Persekutuan, Selangor, Perak dan Negeri Sembilan menjalani kursus latihan penggunaan alat penguatkuasaan kotak hitam di ibupejabat jabatan itu di sini hari ini.

"Apa yang penting adalah kita mahu operasi penguatkuasaan ke atas bas-bas itu nanti tidak mengganggu jadual perjalanan bas terbabit. Dengan penggunaan kotak hitam ini, operasi penguatkuasaan boleh dilakukan semasa bas-bas tersebut berhenti di kawasan rehat," katanya.

Beliau berkata sebaik sahaja halaju bas mencecah lebih 95km sejam kotak hitam akan merekod halajunya setiap tiga minit dan akan hanya berhenti merekod apabila halajunya mulai kurang daripada had tersebut.

Katanya pengusaha yang merosak atau mengganggu operasi kotak hitam dengan sengaja boleh dikenakan denda maksimum RM1,000.

-- BERNAMA

AZH ES AKD